

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Tawaran sebotharga **hendaklah ditulis di sudut kiri** sebelah atas sampul surat dengan perkataan **“SEBUT HARGA JUALAN (LEMBU) LUCUT HAK KASTAM BIL: 1/2025 NEGERI KELANTAN”** dan hendaklah diposkan atau dihantar sendiri ke alamat berikut:

**Pengarah Kastam Negeri
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Cawangan Penguatkuasaan Rantau Panjang
17200 Rantau Panjang
Kelantan**


2. Tawaran mesti menggunakan borang yang dikeluarkan. Borang tawaran boleh diperolehi dengan percuma di laman web Kastam dan di JKDM Cawangan Penguatkuasaan Rantau Panjang, Kelantan.
3. Tawaran mestilah disertakan deposit sebut harga (wang cagaran) dengan nilai sebanyak 5% daripada nilai tawaran (**Bukan 5% dari harga simpanan/lantai**) tertakluk had maksima RM 5,000.00. Lot yang hendak disebut harga, mestilah menggunakan Borang Tawaran dan Deposit Sebotharga yang berasingan. (**1 Lot Dagangan, 1 Borang Tawaran, 1 Deposit Sebotharga**)
4. **Deposit sebotharga boleh dibuat dengan menggunakan Bank Draft/Banker's Cheque atas nama “KETUA PENGARAH KASTAM”.**
5. Pembayaran wang deposit boleh dibuat dengan menggunakan **Bank Draf / Banker's Cheque** di atas nama **“KETUA PENGARAH KASTAM”**. **Deposit hendaklah dibayar kepada Juruwang di JKDM Kota Bharu, Kelantan sahaja.**
6. Petender hendaklah mengisi lengkap borang maklumat pembayaran deposit (Lampiran A) dan disertakan semasa membuat pembayaran di kaunter juruwang JKDM Kota Bharu, Kelantan. Lampiran A tersebut akan disahkan penerimaan oleh juruwang. **Resit rasmi asal, salinan lesen niaga (SSM) dan akaun syarikat yang diakui sah hendaklah dihantar bersama borang tawaran.** Di bahagian belakang Bank Draf / Banker's Cheque hendaklah dicatatkan nama penuh petender / syarikat, nombor kad pengenalan / ROB / ROC dan alamat. Sekiranya terdapat percanggahan butiran petender / syarikat pada lampiran A dan Lampiran B boleh menyebabkan tawaran sebotharga tidak dipertimbangkan. Bayaran deposit sebotharga secara tunai, cek persendirian, cek syarikat tidak boleh diterima.
7. Semua dagangan adalah dijual dalam keadaan **“sebagaimana” (as is) “dimana” (where is)** dan Petender hendaklah berpuas hati dengan keadaan dagangan semasa ianya dilihat sebelum membuat tawaran.
8. Petender yang berjaya dikehendaki mendapatkan **permit mengangkut lembu daripada Jabatan Perkhidmatan VETERINAR Negeri Kelantan** sebelum memindahkan lembu tersebut daripada stor yang terlibat.
9. Semua perbelanjaan bagi mengangkut keluar lembu ditanggung oleh petender.

10. Jabatan tidak menjamin keadaan, kualiti dan susut nilai ke atas barang yang ditawarkan serta tidak bertanggung jawab ke atas barang yang telah dijual.
11. Petender / pihak syarikat yang berjaya dikehendaki membuat pembayaran sepenuhnya baki harga tawaran dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh surat pemberitahuan kejayaan tawaran sebutharga. Pemindahan dagangan ini boleh dibuat setelah pembayaran sepenuhnya dilakukan dan mesti dikeluarkan dari stor simpanan dalam **tempoh 7 hari** dari tarikh bayaran sepenuhnya dibuat.
12. Wang deposit akan dilucuthak kepada Jabatan jika petender / syarikat yang berjaya menarik balik tawaran atau gagal membayar sepenuhnya harga tawaran dalam tempoh yang ditetapkan di **para 11** di atas.
13. Jabatan berhak untuk melupuskan mengikut budi bicara ke atas barang yang telah dijual dan telah dijelaskan pembayaran oleh petender / syarikat yang berjaya tetapi tidak diambil selepas **7 hari** dari tarikh pembayaran.
14. Deposit sebutharga akan dikembalikan kepada petender / syarikat yang tidak berjaya. Manakala wang deposit bagi petender yang berjaya akan diselaraskan dengan jumlah baki tawaran yang perlu dijelaskan.
15. Jawatankuasa Sebutharga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran harga yang dikemukakan dan keputusan yang dibuat adalah muktamad. Sebarang rayuan selepas keputusan dibuat tidak akan diterima.
16. Lembu boleh dilihat di **Pejabat MAQIS Rantau Panjang, Kelantan** mulai **06 Mei 2025 hingga 08 Mei 2025** dari **jam 9.00 pg - 12.00 tgh hari** dan **2.30 ptg – 4.00 ptg** pada hari berkerja biasa.
17. Tawaran ditutup pada **15 Mei 2025 jam 12.00 tengahari**. Tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan termasuk secara pos.
18. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Jabatan Kastam Di Raja Malaysia, Kelantan-Cawangan Penguatkuasaan Rantau Panjang, Kelantan atau menghubungi talian telefon berikut: 019-5902033

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(WAN JAMAL ABDUL SALAM BIN WAN LONG)

Pengarah Kastam Negeri
Kelantan

NO. RUJUKAN. KE.DC(79)059/03 KLT.13(60)



**BORANG MAKLUMAT PEMBAYARAN DEPOSIT SEBUT HARGA JUALAN (LEMBU)
LUCUT HAK KASTAM BIL: 1/2025 NEGERI KELANTAN**

BUTIRAN PETENDER	
Nama Penuh Petender / Syarikat	
No. Kad Pengenalan / ROB / ROC	
No. Telefon Bimbit	
E-mel (jika ada)	
Alamat Tetap / Asal	
No. Telefon Rumah / Pejabat	
Tender	DEPOSIT SEBUTHARGA JUALAN (LEMBU) LUCUT HAK KASTAM BIL: 1/2025 NEGERI KELANTAN
Jumlah Deposit	
Kod Deposit	917

Nota:

1. Sila kepilkan borang ini bersama – sama borang tawaran sebutharga untuk dimasukkan dalam peti tender.
2. Bidaan tidak akan dipertimbangkan sekiranya nilai deposit tidak mematuhi syarat tender.
3. Borang ini hendaklah diisi dalam dua (2) salinan.
4. Satu (1) Borang Lampiran A digunakan untuk satu (1) lot dagangan sahaja.

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar.

Tandatangan:

Tarikh:

KEGUNAAN PEJABAT

Pengakuan Terimaan Deposit

Pegawai yang menerima:


Cop Bahagian/Cawangan

Nama:

Jawatan:

Bahagian/Cawangan:


Tarikh:



Kod PTJ: **Lampiran ini hendaklah dikembalikan kepada petender.

BORANG TAWARAN
DEPOSIT SEBUT HARGA JUALAN (LEMBU) LUCUT HAK KASTAM
BIL: 1/2025 NEGERI KELANTAN

Tawaran – tawaran dalam sampul yang bertulis “**Tawaran Deposit Sebut Harga Jualan (Lembu) Lucut Hak Kastam Bil: 1/2025 Negeri Kelantan** hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender yang disediakan di Pejabat Cawangan Penguatkuasaan Rantau Panjang, Kelantan pada **06 Mei 2025 jam 9.00 pagi hingga 15 Mei 2025 sebelum jam 12.00 tengahari** untuk jualan mengikut syarat – syarat yang telah ditetapkan.


(WAN JAMAL ABDUL SALAM BIN WAN LONG)

Pengarah Kastam Negeri
Kelantan

NO. LOT	
JENIS DAGANGAN	
HARGA TAWARAN (RM)	

Bersama – sama ini **disertakan salinan resit deposit yang diakui sah** bersama maklumat yang dilengkapkan di atas sebagai dokumen tawaran tender. Dengan ini, saya bersetuju dengan syarat – syarat jualan seperti yang diterangkan di dalam Notis Sebutharga.

Nama Penuh Petender / Syarikat :

No. Kad Pengenalan / ROB / ROC :

Alamat Terkini Petender / Syarikat :

.....

.....

No. Telefon / HP / Fax : /

Tembakau telah dilihat pada / tidak dilihat. (Potong yang tidak berkenaan). Saya berpuashati dan menerima tembakau ini dalam keadaan seadanya.	 (Tandatangan Petender)
--	---------------------------------

Catatan:

- ❖ Petender **WAJIB** mengisi semua maklumat **dengan lengkap dan betul** dalam borang tawaran.
- ❖ **Maklumat hendaklah diisi dengan HURUF BESAR.**
- ❖ Borang Tawaran ini PERCUMA dan boleh difotokopi.
- ❖ Satu (1) Borang Tender digunakan untuk satu (1) lot dagangan sahaja.
- ❖ No. Lot dan Jenis Dagangan yang ditender hendaklah **BETUL DAN JELAS**

PERINGATAN

1. Tawaran sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat dan bertulis dengan perkataan **“TAWARAN SEBUT HARGA JUALAN (LEMBU) LUCUT HAK KASTAM BIL: 1/2025 NEGERI KELANTAN”** di sebelah kiri sampul surat dan dialamatkan kepada **PENGARAH KASTAM NEGERI**. Borang tawaran hendaklah dihantar melalui kurier / pos / serahan dan dimasukkan ke dalam peti tender yang disediakan **sebelum / pada 12.00 tengah hari 15 Mei 2025**. Tawaran **yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan**.
2. Sila pastikan anda telah membaca dan memahami syarat – syarat sebut harga seperti di atas sebelum mengemukakan dokumen tawaran sebutharga.
3. Setiap tawaran hendaklah disertakan dengan deposit sebut harga 5% dari harga tawaran (bukan 5% daripada harga simpanan) tertakluk kepada had **maksima RM5,000.00**. Deposit sebutharga hendaklah dibuat dengan menggunakan Bank Draf / Banker’s Cheque atau Kiriman Wang Pos sahaja. Pembayaran deposit sebut harga jualan boleh dibuat di Pejabat Juruwang **JKDM Kota Bharu, Kelantan** sahaja.
4. Dokumen tawaran sebutharga hendaklah dikemukakan ke Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Kelantan-Cawangan Penguatkuasaan Rantau Panjang, 17200 Rantau Panjang, Kelantan.
5. Tuntutan pembayaran deposit sebut harga yang gagal **hanya** boleh dibuat di Pejabat Juruwang **JKDM Kota Bharu, Kelantan** sahaja.